

Kuala Lumpur: Selain membina tempat letak kereta bertingkat di Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR), usaha mengintegrasikan penempatan rakyat dengan sistem pengangkutan awam mampu menangani isu lambakan kenderaan persendirian serta kekurangan parkir.

Pensyarah Kanan Kolej Pengajian Alam Bina, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dr Muhammad Azwan Sulaiman berkata cadangan integrasi penempatan rakyat itu dengan sistem pengangkutan awam dilihat sebagai penyelesaian yang lebih dinamik dan tuntas kepada masalah berkenaan.

Menurutnya, beliau berpandangan isu yang berlaku ketika ini kerana kedudukan sebahagian PPR

MASALAH KEKURANGAN PARKIR DI PA, PPR

Integrasi penempatan rakyat dengan pengangkutan awam

yang tidak berhubung atau berada berhampiran stesen pengangkutan awam menyebabkan peningkatan penggunaan kenderaan persendirian.

“Bagi pembinaan PPR baharu di bandar besar, pihak berkuasa tempatan (PBT) disaran menggunakan pendekatan pembangunan beroreintasi pengangkutan atau TOD. Reka bentuk bangunan PPR perlu disekalikan parkir bertingkat agar kesesakan dapat dikawal.

“Pihak berkenaan juga perlu menyemak semula keperluan lot parkir bagi

setiap unit rumah kerana kita tidak boleh lagi mengandaikan satu rumah satu kenderaan,” katanya.

Mengulas lanjut Dr Muhammad Azwan berkata, ketika ini juga beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) melaksanakan parkir bertingkat secara sistem mekanikal namun isu kecekapan akan menjadi cabaran utama.

Katanya, selain itu untuk mengatasi masalah itu juga pihak berkenaan boleh membuka kawasan lapang berhampiran untuk dijadikan tempat parkir kenderaan.

Kelmarin, media melaporkan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membangunkan fasiliti 14 tempat letak kereta bertingkat di 14 kawasan PA dan PPR bagi menangani isu lambakan kenderaan persendirian dan kekurangan parkir di kawasan itu.

DBKL dilaporkan memaklumkan pembinaan fasiliti yang dapat menyediakan sebanyak 7,000 tempat letak kereta itu mengambil kira kepadatan penduduk yang tinggi serta keluasan tapak sedia ada.